



LKPP CORPORATION SDN BHD
199769-V

**POLISI PENGURUSAN GANGGUAN SEKSUAL, KEGANASAN DAN
DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA**

LKPP Corporation Sdn. Bhd. akan memberi perhatian sepenuhnya untuk melindungi hak-hak pekerja, pematuhan terhadap undang-undang dan perjanjian berlandaskan polisi-polisinya dengan menggunakan komponen-komponen polisi utama di dalam operasi dan pengurusan dan syarikat bagi proses pengeluaran minyak sawit mampan, selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh Persijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

Syarikat akan mematuhi peruntukan undang-undang semasa dan lain-lain keperluan yang berkaitan. Selaras dengan polisi ini, Syarikat akan :-

- ❖ Berusaha mencegah sebarang gangguan seksual dan lain-lain bentuk keganasan terhadap kaum wanita, pekerja dan komuniti.
- ❖ Mewujudkan prosedur dan mekanisma spesifik yang diterima oleh semua pihak dalam menangani aduan dan rungutan tentang isu-isu berkaitan jantina.
- ❖ Menyediakan latihan dan pembangunan yang mencukupi bagi meningkatkan kesedaran, kemahiran dan kefahaman pekerja tentang polisi ini.
- ❖ Menyedia dan mewujudkan peluang untuk membangunkan kepimpinan pekerja wanita di semua peringkat.
- ❖ Memastikan penyertaan berkesan kaum wanita di dalam proses membuat keputusan dengan menggalakkan mereka menyertai jawatankuasa-jawatankuasa sedia ada seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lain-lain.
- ❖ Polisi ini diterangkan dan difahami oleh semua pekerja termasuk pekerja kontraktor luar dan pihak berkepentingan yang lain.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd, Anak Syarikat dan semua pihak yang berkepentingan dalam syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis syarikat.

A handwritten signature in black ink.

HAJI SHAHRUMZAKI BIN HASSAN
Pengurus Besar

01 Februari 2021

No. 6/2021